

PERLEMBAGAAN

PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA

1. Nama

Persatuan ini dikenali dengan nama Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan kemudiannya Persatuan sahaja.

2. Takrif

- Lembaga ialah badan pengelola tertinggi.
- Kumpulan Khas ialah yang ditubuhkan menurut Fasal 21.
- Pegawai ialah Ahli Lembaga.
- Siswazah ialah mereka yang berkelulusan Universiti atau yang setaraf dengannya ialah mengikut pengiktirafan kerajaan.
- Peraturan ialah susunan peraturan-peraturan yang menentukan tanggungjawab dan tata tertib ahli-ahli.

3. Alamat Pos

Alamat Pos ialah :-

Pejabat PSWM
Tingkat 1, Blok D
Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

4. Alamat Berdaftar Dan Tempat Urusan

Alamat berdaftar dan tempat urusan ialah di:

Pejabat PSWM
Tingkat 1, Blok D
Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

5. Bahasa

Bahasa Persatuan ialah Bahasa Melayu dan bahasa yang sesuai apabila berhubung di peringkat antarabangsa.

6. Lambang

Lambang Persatuan menunjukkan gambar wanita memakai mota dan memegang skrol, semuanya berwarna merah dengan latar belakang putih. Warna merah mencerminkan kegigihan dan warna putih mencerminkan kejujuran.

7. Matlamat

Matlamat Persatuan ialah untuk:

- 7.1 memberi perangsang dan dorongan kepada siswazah wanita ke arah kesedaran dan penerimaan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara;
- 7.2 menggalak dan memajukan aplikasi kemahiran dan pengetahuan ahli dengan sepenuhnya kepada semua aspek kehidupan di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa;
- 7.3 meninggikan taraf dan kedudukan siswazah wanita dan menggalakkan mereka supaya mengambil peluang untuk memajukan diri sendiri;
- 7.4 menggalakkan persefahaman dan persahabatan di kalangan siswazah wanita di peringkat antarabangsa, tanpa mengira kaum, agama, bangsa dan fahaman politik.
- 7.5 menjalankan aktiviti ekonomi termasuk berniaga, membeli, memiliki dan menjual harta-harta alih dan tidak alih; membuat pelaburan dalam bentuk saham, bon, dan sebagainya; mengadakan usahasama perniagaan; dan membuat pinjaman kewangan daripada institusi kewangan berdaftar. Semua keuntungan hasil daripada aktiviti ini tidak boleh dibahagikan kepada ahli tetapi digunakan untuk tujuan Persatuan.

8. Keahlian

- 8.1 Tanpa mengira kaum, agama dan bangsa ahli Persatuan hendaklah terdiri daripada siswazah-siswazah wanita seperti berikut:-
 - 8.1.1 Ahli Penganjur ialah seorang yang telah diundang khas untuk menjadi Ahli Jawatan Kuasa Pengajar (PROTEM) dan diundang bagi maksud menubuhkan Persatuan.
 - 8.1.2 Ahli Biasa ialah seorang siswazah wanita Warganegara Malaysia yang berdaftar dengan Persatuan untuk menjadi ahli.
 - 8.1.3 Ahli Bersekutu ialah seorang yang memenuhi syarat-syarat sebagai ahli biasa tetapi bukan Warganegara Malaysia;
 - 8.1.4 Ahli Kehormat ialah seorang wanita yang dipilih oleh Lembaga oleh sebab sumbangan istimewa dalam usaha pembangunan;
 - 8.1.5 Persatuan Bergabung ialah sesuatu pertubuhan berdaftar yang menyokong matlamat Persatuan.
 - 8.1.6 Ahli Sementara ialah siswazah wanita/ahli persatuan-persatuan yang bergabung dengan Persatuan Siswazah Wanita Antarabangsa yang bukan

Warganegara Malaysia dan yang datang melawat atau hanya tinggal sementara di Malaysia;

- 8.1.7 Ahli Seumur Hidup ialah seorang ahli biasa yang telah menjadi ahli selama tidak kurang setahun dan diluluskan permohonannya untuk menjadi Ahli Seumur Hidup dengan dibayar yuran yang ditetapkan.
- 8.2 Lembaga boleh menentukan Persatuan bergabung dengan mana-mana persatuan lain yang mempunyai tujuan yang serupa, di dalam Malaysia dan peringkat antarabangsa.

9. *Permohonan Keahlian*

- 9.1 Tiap-tiap permohonan kecuali Ahli Pengajur hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Persatuan dan hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang ahli pengajur atau ahli biasa dan dihantar kepada Setiausaha yang perlu mengemukakan permohonan itu kepada Lembaga untuk diluluskan.
- 9.2 Tiap-tiap pemohon yang permohonan telah dikemukakan mengikut Fasal 9.1 dan telah diluluskan hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang tertentu, diterima menjadi ahli Persatuan tertakluk kepada hak keahlian mengikut Fasal 12.
- 9.3 Setiap pemohon yang telah diluluskan menjadi ahli akan diberi Nombor Ahli dan Kad Keahlian.

10. *Penaung*

Penaung ialah siswazah wanita yang berpengalaman dan berpengaruh dalam masyarakat dan negara serta yang boleh memberi bimbingan dan nasihat untuk mencapai matlamat Persatuan. Perlantikan Penaungan akan dibuat oleh Lembaga.

11. *Penasihat*

Penasihat ialah siswazah-siswazah wanita yang berpengalaman dan berpengaruh dalam masyarakat dan negara serta yang boleh memberi bimbingan dan nasihat untuk mencapai matlamat Persatuan. Perlantikan Penasihat akan dibuat oleh Lembaga.

12. *Hak Ahli*

- 12.1 Ahli Pengajur akan mempunyai hak bersuara dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas dan boleh dilantik menjadi ahli Lembaga.
- 12.2 Ahli Biasa/ Ahli Seumur Hidup yang telah diluluskan menjadi ahli sekurang-kurangnya selama tiga(3) bulan mempunyai hak bersuara dan mengundi

dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas dan boleh dilantik menjadi ahli Lembaga.

- 12.3 Ahli Bersekutu/Ahli Sementara/Ahli Kehormat/ Persatuan Bergabung boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dan mempunyai hak bersuara tetapi tidak boleh mengundi atau menjadi ahli Lembaga. Persatuan Bergabung berhak menghantar dua orang wakil untuk Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas.

13. Keberhentian/Pemberhentian

- 17.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi Ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menyelesaikan segala hutang-hutangnya kepada Persatuan.
- 13.2 Lembaga berhak melucutkan keahlian seseorang ahli yang:-
- 13.2.1 terdapat melakukan apa-apa perkara yang bertentangan dengan kepentingan Persatuan;
- 13.2.2 tidak membayar yuran selama dua(2) tahun berturut-turut.
- 13.3 Sebelum Lembaga melucutkan keahlian seseorang ahli, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab pemecatannya secara bertulis dan juga hendaklah diberi peluang untuk menerang dan mempertahankan diri sendiri. Ahli tersebut bolehlah merayu kepada Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad.

14. Lembaga

- 14.1 Lembaga ialah badan pengelola tertinggi Persatuan yang terdiri tidak lebih daripada enam belas (16) orang pegawai, dilantik dua tahun sekali didalam Mesyuarat Agung Tahunan seperti berikut:-
- Seorang Yang Dipertua
 - Seorang Naib yang Dipertua
 - Seorang Setiausaha
 - Seorang Penolong Setiausaha
 - Seorang Bendahari
 - Sepuluh (10) orang Ahli Lembaga. Enam (6) orang daripadanya dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan empat (4) orang dipilih oleh Yang Dipertua setelah berunding dengan Lembaga persatuan.
- 14.2 Lembaga persatuan berhak menubuhkan apa jua biro yang dianggap perlu dan melantik Pengerusi biro-biro tersebut.

- 14.3 Semua pegawai Lembaga akan berkhimat selama dua tahun dan berhak dicalonkan bagi penggal yang berikutnya.
- 14.4 Semua pegawai lembaga boleh dilantik semula tiap-tiap penggal kepada jawatan yang sama.
- 14.5 Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tempoh masa tiga (3) bulan dan Pegawai hendaklah dimaklumkan secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat yang ditetapkan.
- 14.6 Yang Dipertua dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua orang pegawai lain boleh memanggil Mesyuarat Lembaga pada bila-bila masa.
- 14.7 Bagi mesyuarat Lembaga tersebut sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan keahlian Lembaga hendaklah hadir bagi memenuhi korum mesyuarat.
- 14.8 Keputusan Lembaga hendaklah dengan suara terbanyak.
- 14.9 Keputusan yang didapati melalui Surat Pekeliling seperti berikut hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Lembaga kemudiannya untuk dicatatkan didalam minit mesyuarat:-
 - 14.9.1 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Lembaga dan Mesyuarat Lembaga tidak dapat diadakan, Setiausaha boleh menerima kelulusan daripada Lembaga melalui Surat Pekeliling. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Lembaga boleh dianggap sebagai telah terima.
 - 14.9.2 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang didalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada Lembaga.
 - 14.9.3 Sekurang-kurangnya setengah daripada keahlian Lembaga mestilah mencatatkan persetujuan mereka secara bertulis kepada cadangan itu.
- 14.10 Pegawai Lembaga yang gagal menghadiri Mesyuarat Lembaga tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Lembaga.
- 14.11 Jika seorang pegawai meninggal dunia, meletakkan jawatan, atau disingkir, Yang Dipertua dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua orang pegawai berkuasa melantik ganti untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- 14.12 Yang Dipertua dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua orang pegawai, boleh mengarahkan Setiausaha dan pegawai lain untuk

menjalankan urusan Persatuan dan melantik mana-mana ahli Persatuan kepada apa-apa jawatan sementara yang difikirkan mustahak. Yang Dipertua dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua orang pegawai boleh menggantung atau melucutkan seseorang ahli daripada mana-mana jawatan sementara tersebut jika ahli yang berkenaan didapati mempunyai sebab atau melakukan sebab yang mungkin menjejaskan perjalanan dan kepentingan Persatuan.

- 14.13 Lembaga dengan suara undi terbanyak boleh melulus atau menolak sesuatu permohonan keahlian tanpa memberikan apa-apa sebab. Keputusan Lembaga adalah muktamad.
- 14.14 Lembaga berhak membuat ketetapan dalam perkara-perkara berkaitan dengan disiplin ahli dan ketetapan ini adalah muktamad.
- 14.15 Lembaga hendaklah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Lembaga seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Lembaga mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agung. Lembaga hendaklah membuat laporan berkenaan kegiatan bagi tahun lalu untuk tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

15. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan Persatuan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember.

16. Yuran

Bayaran Masuk dan Yuran Tahunan ialah seperti berikut:-

- 16.1 Bayaran Masuk - RM25.00 (Ringgit Dua Puluh Lima Sahaja)
- 16.2 Yuran Tahunan :-
 - Persatuan bergabung - RM20.00 (Ringgit Dua Puluh Sahaja)
 - Ahli Seumur Hidup - RM200.00 (Ringgit Dua Ratus Sahaja)
 - Ahli Bersekutu - RM100.00 (Ringgit Satu Ratus Sahaja)
 - Ahli Biasa - RM15.00 (Ringgit Lima Belas Sahaja)
 - Ahli Sementara - RM20.00 (Ringgit Dua Puluh Sahaja)

17. Mesyuarat Agung Tahunan

- 17.1 Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhir tahun kewangan iaitu pada 31 Disember, pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh Lembaga. Dalam keadaan tertentu kuasa diberi kepada Lembaga untuk menangguhkan Mesyuarat

Agung Tahunan kepada suatu tarikh yang sesuai, tetapi tidak lewat daripada 30 Jun.

17.2 Tanggungjawab Mesyuarat Agung ialah:-

17.2.1 Menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu.

17.2.2 Menerima Laporan Persatuan berkenaan kegiatan yang kegiatan bagi tahun yang lalu.

17.2.3 Menerima Laporan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.

17.2.4 Melantik pegawai Lembaga serta dua orang Pemeriksa Kira-Kira Dalam untuk tempoh dua tahun yang akan datang.

17.2.5 Membincangkan perkara lain yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan itu.

17.2.6 Melantik Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit Luaran.

17.2.7 Melantik dua (2) orang Pemegang Amanah.

17.3 Pemberitahuan awal untuk Mesyuarat Agung Tahunan Yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat dan panggilan untuk memberikan cadangan yang hendak dibentangkan, cadangan untuk meminda undang-undang dan pencalonan untuk perantikan Pegawai, hendaklah dikirim oleh Setiausaha kepada tiap-tiap ahli tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat. Pemberitahuan ini hendaklah dipamerkan di pejabat yang telah didaftarkan atau di tempatkan mesyuarat bagi Persatuan supaya jelas kelihatan.

17.4 Korum untuk Mesyuarat Agung Tahunan ialah 32 orang. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada masa yang ditetapkan, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada tarikh lain (tidak lebih 30 hari) yang ditetapkan oleh Lembaga. Jika korum tidak cukup juga dalam mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat, tetapi tidak berkuasa mengubah undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

17.5 Pencalonan untuk perantikan Lembaga dan cadangan untuk diberitahu di dalam Mesyuarat Agung hendaklah diterima oleh Setiausaha Lembaga tidak lewat daripada empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung. Mereka yang dicalonkan hendaklah menandatangani pengesahan penerimaan pencalonan.

17.6 Setiausaha hendaklah menghantarkan kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan Mesyuarat Agung Tahunan satu

agenda termasuk salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Laporan Tahunan yang lepas, cadangan dan pencalonan untuk perlantikan Pegawai berserta dengan Penyata Kira-kira Persatuan bagi tahun yang baru berakhir yang telah diaudit.

- 17.7 Sekiranya di dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan didapati penarikan diri oleh seseorang calon di saat akhir dan tiada calon lain maka pencalonan baru boleh dikemukakan dalam Mesyuarat Agung tersebut.
- 17.8 Semua keputusan di Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dibuat berasaskan sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada yang hadir.
- 17.9 Setiausaha hendaklah menghantar kepada semua ahli salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat diadakan.

18. Mesyuarat Agung Khas

- 18.1 Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan di atas:-
 - 18.1.1 Permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah ahli yang berhak dengan menerangkan tujuan mengadakannya. Lembaga hendaklah menetapkan tarikh Mesyuarat Agung Khas ini pada satu tarikh yang tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas penerimaan permintaan bertulis itu.
 - 18.1.2 Permintaan daripada Lembaga.
- 18.2 Pemberitahu dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedar kepada semua ahli oleh Setiausaha sekurang-sekurang lima belas (15) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 18.3 Fasal 17.4 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika kerana tidak mencukupi korum selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.
- 18.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada semua ahli salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung Khas tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat diadakan.

19. Kewajipan-kewajipan Pegawai-pegawai

- 19.1 Yang Dipertua hendaklah:-

- 19.1.1 Menjadi Pengerusi di Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Lembaga dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua Mesyuarat Persatuan.
 - 19.1.2 Mempunyai undi pemutus.
 - 19.1.3 Menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.
 - 19.1.4 Menandatangani semua cek, Laporan Kewangan dan Akaun Persatuan bersama dengan Bendahari.
- 19.2 Naib Yang Dipertua hendaklah:-
- 19.2.1 Membantu Yang Dipertua dalam tugas-tugasnya dan memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
- 19.3 Setiausaha hendaklah:-
- 19.3.1 Menjalankan kerja Persatuan mengikut Perlembagaan dan Perintah Mesyuarat Agung dan Lembaga mengikut Peraturan Persatuan.
 - 19.3.2 Bertanggungjawab menguruskan surat menyurat dan menyimpan semua buku berkaitan Urusetia termasuk Daftar Ahli, surat dan kertas dari semasa ke semasa kecuali yang berkaitan dengan kewangan. Daftar Ahli yang disimpan itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:-
 - Bilangan Siri;
 - Nama Ahli;
 - Tarikh menjadi ahli;
 - Nombor Ahli
 - Tarikh Kad Ahli dikeluarkan;
 - Nombor Kad Ahli dikeluarkan;
 - Tarikh Lahir;
 - Nombor Kad Pengenalan;
 - Alamat; dan
 - Perkerjaan.
 - 19.3.3 Bertanggungjawab ke atas Laporan Tahunan dan membentangkannya di Mesyuarat Agung Tahunan, menulis dan menyimpan Minit Mesyuarat Agung Tahunan/Khas.
- 19.4 Penolong Setiausaha hendaklah:-
- 19.4.1 Membantu Setiausaha dalam tugasnya dan memangku jawatan Setiausaha di masa ketiadaannya.

19.5 Bendahari hendaklah:-

- 19.5.1 Menguruskan akaun Persatuan .
- 19.5.2 Membentangkan Penyata Laporan Kewangan Tahunan di Mesyuarat Agung Tahunan.
- 19.5.3 Membentangkan Laporan Kewangan pada bila-bila masa yang dikehendaki.
- 19.5.4 Menandatangani semua cek, Laporan Kewangan dan Akaun Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua.
- 19.5.5 Melabur wang Persatuan yang tidak diperlukan pada satu-satu masa.
- 19.5.6 Menyimpan Panjar Tunai Runcit pada sesuatu masa tidak lebih daripada RM500/- (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).
- 19.5.7 Membuat bayaran atas semua perbelanjaan yang telah diluluskan.

19.6 Penolong Bendahari hendaklah:-

- 19.6.1 Membantu Bendahari dalam tugasnya dan memangku jawatan Bendahari di masa ketiadaannya.

20. Kewangan

- 20.1 Tertaluk kepada peruntukan Perlembagan, wang Persatuan boleh digunakan untuk semua rasmi Persatuan.
- 20.2 Wang Persatuan tidak boleh digunakan untuk membayar apa-apa denda yang telah dikenakan oleh Mahkamah Keatas seorang ahli.
- 20.3 Wang tunai boleh disimpan oleh Bendahari tidak lebih daripada RM500/- (Ringgit Lima ratus sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mesti disimpan didalam akaun bank yang dipersetujui oleh Lembaga, dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penerimaan. Akaun Bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- 20.4 Segala pengeluaran wang dari Akaun Bank Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang Dipertua dan Bendahari.
- 20.5 Perbelanjaan yang lebih daripada RM500/- (Ringgit Lima ratus sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibuat tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga. Perbelanjaan yang kurang daripada RM500/- (Ringgit Lima ratus sahaja) bagi sesuatu masa bolehlah dibuat dengan kelulusan Yang Dipertua.
- 20.6 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berserta Kunci Kira-kira pada akhir tahun Kewangan hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut Perlembagaan dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira Tahunan yang telah diaudit hendaklah dikemuka untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung

Tahunan yang berikutan, dan salinannya hendaklah disediakan supaya dapat diperolehi oleh ahli dari alamat yang berdaftar atau dari tempat mesyuarat Persatuan.

- 20.7 Persatuan boleh menerima/mengutip wang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mencapai matlamatnya.
- 20.8 Persatuan boleh menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi termasuk berniaga, membeli, memiliki dan menjual harta-harta alih dan tidak alih; membuat pelaburan dalam bentuk saham, bon dan sebagainya; mengadakan usahasama perniagaan; dan membuat pinjaman kewangan daripada institusi kewangan berdaftar.
- 20.9 Persatuan boleh menubuhkan tabung kewangan yang akan digunakan untuk melanjut, memaju dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan ini.
- 20.10 Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan lain atau kedua-dua kepada sebarang ahli atau pekerja Persatuan dengan syarat mereka telah memberikan perkhidmatan kepada Persatuan ini.

21. Penubuhan Kumpulan-kumpulan Khas

- 21.1 Sebilangan ahli biasa yang tidak kurang daripada 25 orang yang tinggal dalam sesuatu kawasan boleh menubuhkan satu kumpulan khas untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang selaras dengan matlamat Persatuan dan boleh menerima/mengutip wang bagi membiayai kegiatan-kegiatan tersebut.
- 21.2 Kebenaran bertulis daripada Lembaga hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum menubuhkan Kumpulan Khas itu.
- 21.3 Ahli-ahli Kumpulan Khas itu hendaklah memilih pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasanya sendiri dengan syarat Setiausaha Lembaga sentiasa diberitahu mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan itu.
- 21.4 Tahun kewangan Kumpulan Khas adalah seperti Fasal 15.
- 21.5 Pengerusi Kumpulan Khas hendaklah membentangkan penyata laporan Kewangan Tahunan Kumpulan kepada Bendahari Lembaga tidak lewat daripada 31hb Januari tiap-tiap tahun untuk dibentangkan bersama dengan akaun di Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan.

- 21.6 Sekiranya Kumpulan Khas bercadang membeli harta-harta tidak alih, harta-harta tersebut hendaklah diperoleh atas nama Persatuan.
- 21.7 Juruaudit-juruaudit dalaman Persatuan boleh mengaudit akaun Kumpulan dan membuat laporan.
- 21.8 Kumpulan Khas boleh dibubarkan :-
 - 21.8.1 Dimohon oleh jawatankuasanya dan dipersetujui secara bertulis oleh Lembaga Persatuan;
 - 21.8.2 Lembaga Persatuan mendapati kegiatan-kegiatan Kumpulan adalah bercangah dengan matlamat-matlamat Persatuan.
- 21.9 Sekiranya Kumpulan Khas dibubarkan maka segala hutang dan tanggungan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang atau harta benda Kumpulan yang tinggal akan beralih kepada Persatuan.

22. *Pemeriksa Kira-kira*

- 22.1 Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik dan membayar sugu hati/upah kepada Pemeriksa Kira-kira Luaran atau Firma Juruaudit yang bukan Ahli Lembaga untuk memeriksa akaun Persatuan. Pemeriksa Kira-kira atau Firma Audit yang dilantik secara ini akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang melainkan jika diberhentikan oleh Mesyuarat Agung Khas.
- 22.1 Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa akaun Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Pemeriksa Kira-kira atau Juruaudit Luaran boleh diarahkan oleh Yang Dipertua untuk memeriksa akaun Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh masa jawatannya dan membuat laporan kepada Lembaga.

23. *Pindaan Perlembagaan*

Perlembagaan Persatuan tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Perlembagaan atau pindaan kepada Perlembagaan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pertubuhan dan pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

24. *Larangan*

Semua Ahli Lembaga dan Jawatankuasa Kumpulan Khas yang menjalankan tugas-tugas pemerintah di dalam Persatuan tidak terdiri dari bukan warga negara-negara Malaysia.

25. Tafsiran

- 25.1 Di antara Mesyuarat Agung, Lembaga boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan.
- 25.1 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung. Keputusan Lembaga terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

26. Pembubaran

- 26.1 Persatuan boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada 75% jumlah semua ahli dan diluluskan satu Mesyuarat Agung Khas. Pembubaran ini akan dilaksanakan selepas tempoh dua bulan daripada tarikh keputusan pembubaran itu dibuat.
- 26.2 Sekiranya Persatuan dibubarkan mengikut Fasal 26.1 maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang atau harta benda Persatuan yang tinggal, dengan persetujuan Mesyuarat Agung hendaklah didermakan kepada persatuan lain atau mana-mana pertubuhan sukarela yang sah.
- 26.3 Kenyataan pembubaran Persatuan yang ditandatangani oleh seorang Pegawai utama dan tujuh orang ahli pengajur atau ahli biasa, hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran.

27. Pemegang Amanah

- 27.1 Harta takalih Persatuan hendaklah di bawah kuasa 2 orang pemegang amanah yang akan dilantik oleh Mesyuarat Agung. Mereka akan diamanahkan semua harta takalih kepunyaan Persatuan melalui surat amanah.
- 27.2 Pengamanah tidak boleh menjual, menggadai, menarik balik atau menukar harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.
- 27.3 Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada dalam negeri atau kerana sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau prestasinya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan oleh atau pembuangan seseorang Pengamanah, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik oleh Mesyuarat Agung.